

Kopi mampu jana ekonomi negara

Berpotensi untuk dieksport ke luar negara

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Industri tanaman kopi bukan saja dapat memenuhi keperluan negara, bahkan berpotensi dieksport sekali gus menjana ekonomi Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pekeksportan itu sekali gus dapat memperkenalkan kopi keluaran negara ke seluruh dunia.

“Kopi adalah komoditi yang dapat meningkatkan pendapatan ekonomi melalui penjualan produk dan peluang-peluang perniagaan dalam rantaianya,” katanya dalam kenyataan sempena Hari Kopi Sedunia yang disambut setiap 1 Oktober dianjurkan oleh Jabatan

Pertanian Malaysia (DOA) secara dalam talian pada Jumaat.

Menurut Ronald, penghasilan benih, penanaman di ladang, penuaian, pemrosesan biji, pemasaran dan penghasilan produk berasaskan kopi adalah antara aktiviti utama dalam rantai pengeluaran kopi.

“Sambutan Hari Kopi Sedunia adalah suatu bentuk penghargaan dan manifestasi rasa terima kasih kepada semua yang terlibat di sepanjang rantai pengeluaran kopi di seluruh dunia bermula daripada petani sehingga kepada penggemar kopi.

“Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui DOA akan terus memberi perhatian agar industri ini terus diperkukuh dan tidak ketinggalan serta bergerak seiring dengan perkembangan industri tanaman

agromakanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran,” katanya.

Sejarah penanaman kopi di Malaysia bermula pada abad ke-17 iaitu melalui penanaman kopi *arabica*. Pada akhir abad ke-18 pula, kopi *liberica* telah diperkenalkan dan awal abad ke-19, petani mula



RONALD



FOTO: ROSLI TALIB

Hari Kopi Sedunia disambut pada 1 Oktober setiap tahun.

menanam kopi daripada spesies *robusta*.

“Disebabkan Malaysia mempunyai iklim sesuai dan tanah lanar yang subur, keberadaan sumber semula jadi ini memberi kelebihan kepada negara kita untuk mengeluarkan hasil kopi terutama daripada spesies *liberica* yang mempunyai rasa istimewa dan unik,” kata Ronald.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi Projek

Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain bertujuan menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai, pembekalan input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan perosak serta pemindahan teknologi.

Ronald berkata, DOA juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan membangunkan industri tanaman kopi di Malaysia.

GM Klang menghargai pelanggan setia menerusi Kempen Road To Bonanza 12

KLANG - Pusat Borong GM Klang menyemarakkan ulang tahunnya yang ke-12 tahun ini dengan cara tersendiri sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan setia mereka.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok berkata, pelbagai program telah disusun, antaranya Kempen Road To Bonanza 12 yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Menurutnya, pemenang cabutan bertuah dipilih setiap bulan dan mereka berpeluang memenangi pakej pelancongan bernilai RM2,000 termasuk menang hadiah utama sebuah motosikal.

“Lebih istimewa, kempen ulang tahun kali ini mendapat sokongan Tourism Selangor menerusi tawaran hadiah bulanan berupa pakej pelancongan tempatan bernilai RM2,000.

“Ini adalah salah satu inisiatif GM Klang untuk membantu industri pelancongan Selangor, sekali gus menyokong kempen ‘Pusing Selangor Dulu’ yang dianjurkan Tourism Selangor,” katanya kepada pemberita pada

Jumaat selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang yang turut dihadiri Naib Presiden Persatuan Pemborong Malaysia, Eddie Soh.

Dalam pada itu, Seng Kok berkata, GM Klang turut mengambil peluang mempromosikan maskot Gina & Mat dengan lebih meluas kepada orang ramai sempena sambutan ulang tahun itu.

“Saya yakin ekonomi negara yang kini dalam proses pemulihan akan bertambah baik, sekali gus dapat menganjurkan program lebih besar pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, Kempen Road To Bonanza 12 itu bermula sejak Jun lalu.

Menurutnya, kempen juga amat mudah untuk disertai kerana pelanggan hanya perlu berbelanja RM100 ke atas di mana-mana kedai di GM Klang menggunakan aplikasi e-wallet.

“Dua pemenang bertuah setiap bulan berpeluang memenangi



Seng Kok (kiri) bersama Eddie memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang pada Jumaat.

pakej pelancongan bernilai RM2,000, manakala 10 nama pelanggan akan diumumkan setiap bulan sepanjang kempen berlangsung (sehingga Disember) untuk cabutan bertuah menang hadiah utama sebuah motosikal berjenama,” katanya.

Maklumat lanjut boleh layari laman web gmklang.com atau media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, TikTok dan YouTube) di [@GMKlang](https://www.instagram.com/GMKlang) atau [@gmklangoofficial](https://www.facebook.com/gmklangoofficial).



Seng Kok (kiri) dan Eddie menyempurnakan simbolik Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang.